

14 DEC 1996

Mahathir-Kazakhstan

KAZAKHSTAN MINTA PELABUR MALAYSIA BANTUNYA

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Kazakhstan berharap lebih banyak pelabur Malaysia akan pergi ke negara itu yang sedang beralih kepada pasaran bebas, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perkara itu disuarakan oleh Presiden Kazakhstan Nur Sultan Nazarbayev dalam perbincangannya dengan Dr Mahathir mengenai kerjasama dua hala di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini.

Pemimpin negara bekas Soviet Union di Asia Tengah itu singgah sebentar di Lapangan Terbang itu dalam perjalanan pulang ke Almaty dari lawatan ke Australia.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan mengkaji permintaan Kazakhstan supaya diadakan penerbangan dari Malaysia ke negara itu.

Turut serta dalam perbincangan itu ialah Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi, Ali Abul Hassan.

Malaysia juga sanggup menyediakan 20 lagi tempat untuk melatih pegawai Kazakhstan termasuk dalam bidang perancangan ekonomi, katanya kepada pemberita selepas pertemuan selama satu jam dengan Nazarbayev.

Sebelum ini, 13 pegawai Kazakhstan telah mengikuti latihan di Malaysia.

Perdana Menteri berkata, Kazakhstan yang sebelum ini mengamalkan ekonomi terpimpin, ingin mendalami cara-cara pasaran bebas.

Malaysia juga akan berusaha membantu Kazakhstan dalam perancangannya mendirikan sebuah ibu negara baru, katanya.

Semasa lawatannya ke Kazakhstan, Julai lepas, Dr Mahathir telah mempelawa teknokrat Kazakhstan datang ke Malaysia untuk mengkaji pembangunan pusat pentadbiran baru Malaysia, Putra Jaya.

Kazakhstan sedang merancang mendirikan ibu negeri yang baru di Akmoly, kira-kira 1,000km dari ibu negaranya sekarang iaitu Almaty.

-- BERNAMA

AZZ PR